

NGO Desak Peguam Negara, Polis Segera Dakwa Penganjur Perhimpunan Bernama
03 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Lebih 200 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada Khamis mendesak Peguam Negara serta Polis Diraja Malaysia menyegerakan proses pendakwaan terhadap penganjur dan peserta perhimpunan yang disokong pembangkang Sabtu lepas kerana mencetuskan kekacauan sehingga mendatangkan kecederaan serta kerosakan terhadap kemudahan awam.

Anggota Jawatankuasa Majlis Perundingan Melayu (MPM) Datuk Seri Dr Mohd Hilmi Ismail berkata pihak penganjur serta peserta perhimpunan harus didakwa kerana mereka telah mengganggu ketenteraman awam, melanggar perintah mahkamah yang melarang orang ramai memasuki kawasan Dataran Merdeka, merusuh serta melanggar peruntukan mengikut Akta Perhimpunan Aman 2011.

"Terdapat bukti jelas wujudnya peserta menyerang polis dan membaling objek terhadap kereta polis dengan niat untuk merosakkan kenderaan berkenaan malah peserta turut memukul seorang anggota trafik yang terjatuh daripada motosikalnya.

"Peserta yang bertindak ganas ini telah memakai topeng agar pihak berkuasa tidak dapat mengesan mereka, maka ia membuktikan bahawa memang wujud rancangan untuk melakukan keganasan sejak awal lagi," katanya pada sidang akhbar di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru di sini.

Beliau tidak bersetuju dengan cadangan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berhubung penubuhan sebuah panel bebas untuk menyiasat insiden keganasan yang tercetus semasa perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663578>